

Yuran sekolah tidak dimansuhkan – Noh ^{UM -} 21/9/2006

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Kementerian Pelajaran tidak bercadang memansuhkan yuran sekolah seperti mana yuran peperiksaan yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2007, kata Timbalan Menteri-nya, Datuk Noh Omar.

Menurutnya, ini kerana kementerian berpendapat bantuan-bantuan sokongan disediakan oleh kerajaan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), biasiswa dan pelbagai bantuan sokongan lain boleh membantu meringankan beban ibu bapa.

"Pada tahun ini sahaja, kementerian memperuntukkan RM1.5 bilion melalui pelbagai

jenis bantuan kepada murid terutama dari keluarga berpendapatan rendah," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2007 bagi Kementerian Pelajaran di Dewan Rakyat hari ini.

Menurutnya, antara bantuan diberikan kepada murid ialah Rancangan Makanan Tambahan iaitu sebanyak RM183 juta, Skim Baucar Tuisyen (RM181 juta), Biasiswa Murid (RM200 juta), Projek Khas Pelajar Miskin Sekolah Berasrama Penuh (RM2.8 juta) dan Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid (RM7.4 juta).

"Di samping itu, Asrama Harian menempatkan lebih 226,000 pelajar luar bandar supaya tidak tercicir daripada

sistem persekolahan," jelasnya.

Tambah beliau, KWAPM merupakan bantuan kepada pelajar miskin di seluruh negara bagi memastikan pelajar terus kekal dalam sistem persekolahan.